

25 syarikat Jepun minat melabur di Malaysia

Daripada
Hazween
Hassan

di Tokyo



Sebanyak 25 syarikat Jepun menyatakan minat dalam pelaburan dengan Malaysia dan menyertai persidangan meja bulat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, pada Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun, semalam.

Anwar memberi jaminan ke-

pada pelabur Jepun bahawa walaupun Kerajaan MADANI hanya baru berusia setahun, ia stabil, dengan dasar yang sangat jelas untuk memacu pertumbuhan Malaysia.

Beliau berkata demikian pada persidangan meja bulat dengan ketua-ketua industri di sini, selepas sesi pertemuan bersemuka dengan tiga syarikat utama Jepun.

“Kami telah memikirkan cara bagaimana untuk menangani peralihan tenaga, termasuk tenaga boleh baharu di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu yang menggariskan apa yang ingin kami capai dan misi kami,” katanya.

Dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), mesyuarat itu bertujuan menggalakkan dan memudahkan potensi dan pelaburan baharu daripada beberapa pemain industri terbesar Jepun, antaranya nama-nama besar dalam pembuatan, perkhidmatan dan perdagangan.

Anwar berkata, Malaysia juga sedang menumpukan kepada transformasi digital.

“Saya di sini untuk mendengar pandangan anda, mengenai perkara yang perlu dilakukan untuk memudahkan atau mempercepatkan proses libat urus dan pelaburan,” katanya.

Anwar, yang sedang dalam rangka lawatan selama lima hari ke Jepun berkata, beliau kagum dengan sokongan yang ditunjukkan terhadap Malaysia semasa sesi persidangan meja bulat itu yang disertai 25 syarikat.

Antara peserta yang menyertainya ialah pengasas Shinzen Energy, Masaya Hasegawa; pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Rohto Pharmaceutical, Kunio Yamada; pegawai eksekutif kanan Denso Corporation, Hidehiro Yokoo; presiden ENEOS Holdings, Takeshi Saito dan pengerusi Toyota Tsusho Corporation, Nobuhiko Murakami.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan eksekutif kanan tiga syarikat multinasional utama Jepun iaitu ROHM WAKO Co Ltd, yang diketuai pengerusinya, Datuk Yoshioka Yosuke; NEC Co Ltd oleh naib presiden kanan, Matsuki Toshiya dan Mitsui & Co oleh presiden dan ketua pegawai eksekutifnya, Kenichi Hori.

Anwar diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Semasa pertemuan itu, beliau memberi jaminan kepada peserta bahawa masih ada banyak pe-

luang yang tersedia bagi pelabur Jepun di Malaysia.

Sementara itu, Tengku Zafrul, dalam ucapan perasmianya semasa persidangan meja bulat berkata acara itu menekankan komitmen Malaysia untuk meletakkan asas yang lebih kukuh bagi hubungan ekonomi dan dua hala pada masa depan.

Beliau juga memaklumkan mengenai penubuhan Pusat Memudah Cara Pelaburan Malaysia (IM-FC) yang memulakan operasinya pada 1 Disember lalu sebagai pusat sehati untuk pelabur menjalankan perniagaan di Malaysia.

Sementara itu, Anwar berterima kasih kepada Persatuan Alumni Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) Malaysia kerana membantu mengatur mesyuarat dan sesi persidangan meja bulat semalam yang memberi peluang kepada ketua-ketua industri Jepun untuk berinteraksi secara langsung dengan beliau.

Jepun rakan dagang keempat terbesar Malaysia sejak 2015.

Pada 2022, perdagangan Malaysia dengan Jepun bernilai RM181.51 bilion (AS\$41.21 bilion) atau 6.4 peratus daripada keseluruhan jumlah perdagangan negara.

Setakat Jun 2023, sejumlah 2,778 projek oleh syarikat Jepun dilaksanakan di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM91.89 bilion (AS\$27.43 bilion).